

07/07/1999

Dot Com biayai projek e-Perolehan RM257j

Zulkofli Jamaludin

MASYARAKAT perdagangan boleh membuat urusan pembekalan melalui elektronik pada masa depan dengan menggunakan Perkhidmatan Perolehan Elektronik (e-Perolehan).

E-Perolehan itu dibangunkan Commerce Dot Com Sdn Bhd (Dot Com) dalam tiga fasa dan akan siap sepenuhnya membabitkan kos sebanyak RM257 juta.

Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Abdul Halim Ali, berkata projek itu dibiayai sepenuhnya oleh Dot Com iaitu konsortium membabitkan usaha sama syarikat tempatan, Puncak Semangat Sdn Bhd dan NTT Data Corporation dari Jepun.

"Bayaran akan dikenakan kepada syarikat atau pembekal yang menggunakan perkhidmatan e-Perolehan untuk mengurus soal kontrak, sebut harga, pembelian terus dan tender kerajaan," katanya.

Beliau berkata demikian di sidang akhbar selepas menandatangani kontrak perkhidmatan e-Perolehan dengan Dot Com di Jabatan Perdana Menteri (JPM), di Putrajaya, semalam.

Di majlis yang dihadiri Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi itu, Abdul Halim dan Ketua Setiausaha Kementerian Kewangan, Datuk Othman Rijal, menandatangani kontrak berkenaan bagi pihak kerajaan.

Dot Com pula diwakili Pengerusinya, Datuk Syed Abdul Jabbar Shahabuddin dan Pengerusi NTT Data Corporation Japan, Tomeo Kembayashi.

Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Leo Moggie dan Ketua Pengarah Mampu, Datuk Dr Muhammad Rais Abdul Karim turut hadir di majlis itu.

Abdul Halim berkata, e-Perolehan adalah satu daripada aplikasi perdana kerajaan elektronik di JPM dan akan disambungkan dengan semua kementerian.

Kerajaan ketika ini mengendalikan urusan perkhidmatan sebanyak RM6.2 bilion setahun tanpa menggunakan sistem elektronik.

Beliau berkata, apabila e-Perolehan siap sepenuhnya agensi kerajaan dapat mengendalikan transaksi perolehan semua pembekal berdaftar secara atas talian dengan cekap dan selamat.

Menurutnya, kerajaan akan memastikan sistem itu diurus dengan telus bagi mengelak pemalsuan dan penipuan seperti yang diingatkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, baru-baru ini.

"Kerajaan akan menilai semula sistem ini selepas lapan tahun sama ada akan diteruskan atau membuat sebarang perubahan kerana perubahan sistem elektronik bergerak pantas," katanya.

Mereka yang menggunakan perkhidmatan menerusi Internet ini akan dikenakan bayaran daripada 0.8 peratus sehingga RM9,000 daripada satu urusan niaga kontrak.

Dalam konsortium itu Puncak Semangat memegang 81 peratus manakala NTT Data pula memegang 19 peratus.

Puncak Semangat akan menyediakan kepakaran teknikal, pembangunan serta kewangan manakala NTT Data pula mengetuai sistem bersepadu dan teknologi terkini.

Sementara itu, Syed Abdul Jabbar berkata penggunaan e-Perolehan membolehkan pembekal tempatan dapat menjimatkan kos tetap syarikat sehingga 50 peratus, berbanding kaedah biasa.

Sistem ini akan disambung ke 3,500 pusat perolehan Kerajaan Pusat di seluruh negara membabitkan 30,000 pembekal yang berdaftar.

(END)